



## SIARAN MEDIA

---

### TELCO DIARAH TAMBAH BAIK PERKHIDMATAN DI MELAKA

**MELAKA, 26 Januari 2024** - Menteri Komunikasi, YB Fahmi Fadzil bersama-sama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menjalankan Ujian Kualiti Perkhidmatan Selular (Panggilan Suara) pada hari ini untuk menilai isu panggilan terputus bagi rangkaian mudah alih di Melaka.

Ujian dilakukan di Melaka River Cruise, sebuah lokasi yang sinonim sebagai tarikan pelancong. Program ini melibatkan penyedia perkhidmatan rangkaian mudah alih (*telcos*) iaitu CelcomDigi, Maxis, Unifi Mobile (TM) dan YES (YTL) yang turut disertai oleh pihak media.

Sepanjang ujian dilakukan menggunakan laluan perjalanan Jeti Hotel Casa Del Rio - Taman Pengkalan Rama - Jeti Hotel Casa Del Rio, **lima** panggilan terputus telah direkodkan.

Sehubungan dengan tu, pihak penyedia perkhidmatan yang berkaitan telah diminta untuk mengambil **tindakan segera** dan seterusnya melaporkan kerja-kerja penambahbaikan yang dilaksanakan kepada Kementerian Komunikasi menerusi SKMM.

Selain itu, ujian kelajuan muat turun jalur lebar tanpa wayar juga telah dijalankan sepanjang laluan tersebut dan secara purata mencatatkan lebih **100Mbps** bagi kesemua penyedia perkhidmatan.

Ujian ini merupakan yang kedua selepas sesi pertama diadakan di ibu negara melibatkan perjalanan dari Bangunan Parlimen ke Kementerian Komunikasi, Putrajaya pada 9 Januari 2024.

Seiring dengan inisiatif Kerajaan Negeri Melaka yang giat dalam penganjuran Tahun Melawat Melaka 2024, sesi ujian ini adalah tepat pada masanya bagi memastikan aktiviti pelancongan berjalan lancar dengan peningkatan kualiti perkhidmatan selular di Melaka, khususnya di lokasi tarikan pelancong.

SKMM akan terus memantau perkara ini sepanjang suku pertama tahun 2024 dan akan mengemukakan laporan kepada Kementerian Komunikasi.

Turut hadir, EXCO Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital Negeri Melaka, YB Datuk Fairul Nizam bin Roslan; Timbalan EXCO Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital Negeri Melaka, YB Datuk Mohd Noor Helmy Abdul Halem; Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi, YBhg. Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa; Ketua Bahagian Koordinasi Negeri SKMM, Tuan Haji Bukhari Yahya dan wakil-wakil penyedia perkhidmatan rangkaian mudah alih.

**Dikeluarkan oleh:**

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**